

# Catan Batik Najib Dawa

**Harozila Ramli**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Tajul Shuhaizam Said**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Mohd Fauzi Sedon @ M. Dom**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## Abstrak

Mohamed Najib Ahmad Dawa atau lebih dikenali sebagai Najib Dawa, merupakan satu nama yang terkenal dengan motif-motif tradisi dan menghasilkan sesuatu yang melambangkan identiti bangsa Melayu melalui catan-catan beliau. Penggunaan motif-motif tradisional bagi menjelaskan maksud di sebalik karya beliau membolehkan karya beliau tampil dengan keunikan yang tersendiri. Bagi Najib untuk mencari ketulenan dalam konteks budaya Malaysia, kita perlu melihat kembali ke belakang untuk dibawa ke arus semasa. Najib Dawa berjaya menghasilkan karya catan batik dengan gabungan motif-motif tradisi dan membina identiti beliau dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia.

**Kata Kunci** motif-motif tradisi, catan batik, identiti Melayu

## Abstract

*Mohamed Najib Ahmad Dawa or more recognizable as Najib Dawa, is a familiar name with motifs tradition and produce something that symbolizes the true identity of the Malays through his dismissal-dismissal. The use traditional motive motive for his work explaining the purpose disebalik allow him to perform the work of a separate unikkan. For Najib to look for genuineness in the context of Malaysian culture, we need to look back to be brought into the mainstream during. Najib Dawa victorious produce works dismissal batik motif motifs combined with tradition and nurture his true identity in the development of painting in moden Malaysia art.*

**Keywords** traditional motifs, batik painting, Malay identity

## PENGENALAN

Mohamed Najib Ahmad Dawa atau dikenali dengan nama pelukisnya Najib Dawa, merupakan satu nama yang terkenal dengan motif-motif tradisi dan menghasilkan sesuatu yang melambangkan identiti bangsa Melayu melalui catan-catan beliau. Najib Dawa menceritakan, beliau bermula dengan menggunakan media “*watercolor*” dan karya- karya beliau lebih kepada konsep “*realisme*”. Beralih kepada media arkilik dengan bertujuan untuk “*explore*” sesuatu yang baru. Di antara tahun 1982 sehingga 1983 beliau bermula pula dengan menghasilkan karya-karya yang berkonsepkan semi abstrak. Menurut Najib Dawa lagi, gaya penghasilan karya beliau pada masa itu lebih kepada gaya yang berbentuk '*surrealisme*'. Menurut beliau lagi, timbul minat pada media batik apabila beliau diperkenalkan oleh satu jurnal batik iaitu batik lukis (dalam konteks Malaysia).

Beliau mencari ruang untuk mendekati diri bagi menguasai teknik batik, dengan menawarkan diri untuk bekerja di Batik Malaysia Bhd. Menurut Najib Dawa juga suatu ketika dahulu, beliau telah cuba menggunakan media batik untuk menghasilkan karya tetapi tidak boleh membuat ekspresi jika tidak menguasai teknik-teknik serta proses dalam batik. Baginya penguasaan dalam ilmu teknikal batik terlalu penting bagi membolehkan seseorang itu dapat menghasilkan satu karya seni batik yang berkualiti.

Lantaran itu tidak hairanlah Najib Dawa mencari ruang untuk mempelajari teknik lilin bagi menguasai segala aspek tentangnya terutama kelebihan dan kelemahan lilin. Bagi Najib untuk mencari ketulenan dalam konteks budaya Malaysia, kita perlu melihat kembali ke belakang untuk dibawa ke arus semasa. Dengan ini timbul minat beliau untuk menggunakan media batik bagi menghasilkan karya dan cuba membina identiti beliau dalam perkembangan seni lukis moden Malaysia. Malah Mohamed Najib Dawa juga menjelaskan minatnya terhadap batik:

Batik mempunyai motif-motif yang membangunkan sehelai kain. Motif-motifnya saling berkait dengan kehidupan Melayu. Dalam sehelai kain mempunyai satu metamorfosis...semua boleh diceritakan dalam sehelai kain. Itulah kekaguman saya pada batik. Setiap motif mempunyai makna dan boleh berdiri dengan sendiri dan mempunyai lapisan makna pula... memilih batik sebagai *subjek matter* kerana melihat batik ada kesinambungan untuk menampakkan “Malaysian Art”. Inilah percubaan yang saya lakukan kini.<sup>1</sup>

Najib Dawa cuba untuk melakukan sesuatu usaha agar seni yang melambangkan tradisi bangsa boleh diterima dalam setiap lapisan masyarakat. Ini turut diakui sendiri oleh Najib bahawa, di luar konteks budaya kita orang lebih faham, berbanding dengan budaya kita sendiri.<sup>2</sup>

Oleh yang demikian Najib Dawa turut mengulas berkaitan hakikat permasalahan dimana ramai orang dalam kalangan masyarakat masa kini lebih mengemari seni abstrak berbanding dengan seni tradisi. Bagi menyelami karya-karya seni abstrak, khalayak perlu menyelami isi hati pelukis-pelukisnya, perlu memecah kod-kod yang tertentu untuk memahami sesuatu mesej atau persoalan dalam karya tersebut. Siti Zainon Ismail juga pernah menyatakan bahawa:

Melihat lukisan abstrak, kita sering disogok dengan bentuk yang kadang-kadang membingungkan. Bidang kanvas hanya diisi dengan warna-warna datar, ruang-ruang kosong atau dengan garis-garis kasar penuh tektura dengan warna meledak panas (dalam abstrak ekspresionisme ala Perancis misalnya).<sup>3</sup>

Masyarakat lebih mengilai seni abstrak walaupun tidak memahami maksud dan makna di sebalik karya tersebut. Mulyadi Mahamood pernah mencatatkan:

Kaedah berkarya Abstrak Ekspresionisme bertentangan dengan cara-cara karya tradisi. Ia melihatkan nilai-nilai agresif, kespontanan serta kebebasan ekspresi. Ia telah bersifat keindividuan, bagaikan aktiviti meluahkan dan menyelesaikan dilemma dalam diri terhadap perkembangan semasa yang kompleks.<sup>4</sup>

Walau apa pun semangat Najib Dawa tidak terhenti dengan penerimaan yang ditunjukkan. Jika dahulu Najib Dawa mencari ilmu untuk menguasai teknikal batik dan menggunakan media batik untuk menghasilkan '*batik painting*'. Kini atas faktor-faktor kesihatan beliau beralih menggunakan media akrilik dengan melukis batik atas kanvas (*Painting Batik*). Walaupun penggunaan media telah berubah, Najib Dawa masih mengekalkan identiti Melayu dengan memilih motif-motif batik sebagai bahan kajian.

Anak seni yang berkelulusan dari University Manchester, England ini, juga seperti pelukis-pelukis lain, tidak terkecuali untuk mempamerkan karya-karyanya samaada di dalam Negara mahupun di luar Negara. Bermula dari tahun 1982, karya-karya Najib Dawa dipamerkan semasa pameran Warisan bertempat di Equatorial Hotel, Kuala Lumpur dan Bakat Muda Sezaman, di Balai Seni Lukis Negara. Pada tahun 1985, Najib Dawa memenangi tempat ketiga dalam pameran dan pertandingan *Corporate Identity* yang dianjurkan oleh Conqueror. Tahun demi tahun, Najib Dawa terus menyertai Pameran Terbuka samada di Balai Seni Lukis Negara mahupun di Galeri Penang. Sehingga pada tahun 1989 Najib Dawa melebarkan sayap seninya ke Brunei Darussalam dalam Pameran Bumbungan Duabelas dan pada tahun 1990 di Songkla, Thailand semasa pameran sempena sambutan *100 years of Songkla*. Najib Dawa juga tidak ketinggalan untuk mengadakan pameran solonya, *Images of Malaysia I* pada tahun 1993 dan *Images of Malaysia II* pada tahun 1996 di Martha Van Ransellaer, Cornel Ithaca, New York. Seterusnya pada tahun 1997, karya-karya Najib berada di Civic Centre, Cape Town, South Africa.

Sekitar tahun 2003, Najib Dawa menyertai pameran berkumpulan di Phuket Art Champ, Thailand dan di Prince of Songkla University, Hatyai, Thailand. Karya-karya Najib Dawa boleh dilihat semasa pameran Batik Painting dan Painting Batik, di Galeri Petronas sempurna konvensyen dan pameran batik Antarabangsa Kuala Lumpur 2005. Sehingga tahun 2006, Najib Dawa tetap meneruskan usaha menyertai pameran demi pameran di sekitar galeri-galeri di Malaysia.

Karya-karya Najib Dawa juga turut menjadi koleksi badan-badan korporat mahupun individu kenamaan yang menghargai bakat seni dan hasil seni beliau. Antaranya karya yang bertajuk "*Meeting and Mating*" menjadi koleksi Galeri Bank Negara Malaysia, "*The Growth*", Taman Budaya Kuantan Pahang, karya yang bertajuk "*Freedom*" menjadi koleksi Cornel Textile Museum, dan sementara itu karya yang bertajuk

“*Scouting at Surin Island*”, menjadi Koleksi Prince of Songkla University. Melihat karya-karya Najib Dawa yang memperjuangkan imej-imej batik bagi menampakkan ‘*Malaysian Art*’ adalah sesuatu yang membanggakan. Dalam arus kemodenan yang mengikut perubahan semasa, karya-karya yang berbentuk tradisi seperti ini seharusnya boleh tampil dengan pelbagai cara dan boleh diterima. Menurut Najib Dawa:

Identiti Malaysia pada batik tidak dapat dinafikan, perkembangannya telah berupaya mewakili kemajmukan masyarakatnya. Ia akan terus menjadi bahantara yang mampu berperanan sebagai titik pertemuan bagi mencairkan kepelbagaian budaya, atau negara bangsa (yang berkongsi batik sebagai warisan) untuk bermatlamatkan aktiviti artistik. Batik sebagai bahantara yang berpotensi tinggi boleh dieksplotasikan terutamanya oleh negara-negara ASEAN.<sup>5</sup>

Begitulah juga dengan imej-imej batik sehingga kini, masyarakat masih lagi menghargai dan menganggapnya sebagai imej kebangsaan. Lantaran itu tidak hairanlah jika masih ada pelukis-pelukis muda yang mula membawa imej-imej tradisi seperti batik, selari dengan perubahan teknologi.

### Catan Batik Najib Dawa

Karya Najib Dawa yang bertajuk “*Prosperity II*” (2004), menggunakan media akrilik sepenuhnya menampakkan dengan jelas struktur kain sarung yang memberi fokus kepada bahagian kepala kain sebagai latar karya. Melihat karya ini juga pada mulanya menimbulkan tanda tanya sama ada motif-motif yang digunakan mempunyai makna-makna yang simbolik atau semata-mata untuk tujuan hiasan. Penyusunan kepala kain bertepatan dengan keadaan secara pemakaian kain sarung iaitu berada di tengah. Ditambah lagi dengan adanya motif pucuk rebung yang menjadikan kepala kain lebih sempurna. Najib Dawa meminjam motif-motif batik, bagi mengisi ruang-ruang kosong lalu digarap dengan sempurna dengan ketelitian yang berskala.



Rajah 5.1 *Prosperity II*, 2004.

Najib Dawa ada mencatatkan, sepasang pucuk rebung akan membawa makna jantan dan betina, dan kemudian motif yang terkandung di dalam segi tiga akan membawa kepada kesimpulan yang secara simboliknya membawa maksud ‘pertemuan’ atau ‘berpasangan’ ataupun pertumbuhan.<sup>6</sup> Sementara itu kelihatan juga motif fauna, iaitu

motif burung yang telah diringkaskan dengan sapuan warna 'mati' dan tiada motif-motif pengisian atau isen yang memenuhi tubuh burung tersebut. Penghasilan teknik sapuan warna 'mati' yang lahir dalam karya Najib ini mungkin juga didasari oleh latar belakang beliau yang pernah mendapat didikan dalam bidang grafik. Jika diteliti asuhan dari bidang grafik ini juga telah mendorong Najib menghasilkan karya yang begitu bersih dan sempurna seperti sebuah poster.

Pemilihan motif burung sebagai simbol dalam karyanya memungkinkan kepada pengalaman visual dan nostalgia pada kain-kain batik tradisi yang terdahulu. Najib turut menjelaskan, beliau cuba memberi kelainan pada burung tersebut dengan hanya mewarnakannya sahaja agar nampak kontra dengan latarnya. Sementara itu motif bunga-bunga batik yang berlingkar-lingkar ditonjolkan sedikit dari latarnya mungkin juga mempunyai makna yang tersirat di samping tujuannya yang lain iaitu untuk mengindahkan lagi hasil ciptaan karya seni ini. Mohamed Najib Dawa juga ada mencatatkan pemaknaan atau mesej pengirim kepada penerima hanya terkandung dan tersirat pada pelukis berkenaan.<sup>7</sup> Sementara itu, karya Najib Dawa yang bertajuk, "*Serenity*" (2004), memberi penelitian kepada keseluruhan karya. Motif-motif pengisian diisi dengan baik dan kemas pada ruang karyanya.



Rajah 5.2 *Serenity*, 2004.

Kelembutan imej motif-motif batik pada karya ini digarap dengan alunan pergerakan yang terancang. Motif fauna sekali lagi dijadikan fokus dengan diberikan sedikit kelainan daripada segi warna mahupun jenis-jenis kesan yang digunakan bagi memenuhi ruang tubuh burung. Karya-karya Najib Dawa melambangkan seni tradisi yang dipenuhi dengan seribu persoalan bagi pemerhati yang sukar untuk mentafsir, mencari erti makna melalui karya yang dipamerkan. Apabila menyentuh teknik-teknik yang digunakan sememangnya bertetapan kini, kesemua karya-karya Najib dikategorikan sebagai '*painting batik*'. Aplikasi titik-titik kecil yang menyamai kesan titik-titik lilin bertetapan dengan imej batik cop atau batik tulis di Indonesia yang dipindah ke dalam karyanya. Beliau berjaya menerokai dan mengolah motif-motif batik melebihi konteks penggunaan yang biasa:

...garis halus, titik-titik, lengkung boleh diulang dan betulkan. Hasilnya ialah sebuah rekaan catan yang menggunakan subjek batik itu terasa segar menyegarkan.<sup>8</sup>



**Rajah 5.3** *Going West*, 2004.

“*Going West*” (2004), tidak lagi menampilkan struktur kepala kain, tumpuan diberikan dengan menggambarkan secara terperinci mengenai imej burung rekaan. Komposisi karya ini dirancang dengan memberi penekanan pada imej burung. Imej motif-motif pengisian di jadikan sandaran untuk memenuhi ruang badan pada burung rekaan tadi. Imej batik begitu terserlah dengan adanya aplikasi titik-titik pada motif flora dan fauna. Walau bagaimanapun, dominasi pewarnaan masih lagi dilingkungi oleh gaya grafik. Penggabungan warna merah dan hijau saling bertaut dan menyegarkan. Secara keseluruhannya karya ini mempersoalkan tentang penonjolan sesuatu bahagian kain batik sarung yang telah diperbesarkan (*close-up*) lalu dipindahkan ke kanvas dengan media dan teknik yang berbeza.



**Rajah 5.4** *Boudeless II*, 2004.

“*Boudeless II*” (2004), turut menggambarkan seekor burung yang telah divisualisasikan oleh Najib Dawa, bagaikan burung yang megah di kayangan. Tampil dengan alunan sulur paut dan corakan yang pelbagai. Di bahagian latar burung tersebut diwarnakan dengan penggunaan warna yang cukup harmoni dengan imej motif-motif kecil yang disusun secara berskala. Karya-karya Najib Dawa dapat ditakrifkan sebagai satu hasil seni dekoratif tetapi mempunyai simbol dan makna yang tersirat; umpama menyampaikan dan menyatakan sesuatu yang tersirat dan tersurat.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan Najib Dawa merupakan seorang pelukis yang masih lagi meminjam motif-motif tradisi bagi menyampaikan sesuatu maksud di sebalik karya batiknya. Gabungan warna-warna yang terang berserta kombinasi susun letak yang terancang mampu menampakkan karya Najib Dawa tersendiri. Olahan karyanya yang sebegini telah berjaya memperkenalkan Najib Dawa dalam arus perkembangan seni lukis moden Malaysia.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Najib Dawa. Temubual pada 21/11/06, jam 10.30am. Di alamat Pusat Pengajian Seni,USM, P. Pinang.
- <sup>2</sup> Najib Dawa. Temubual pada 21/11/06, jam 10.30am. Di alamat Pusat Pengajian Seni,USM, P. Pinang.
- <sup>3</sup> Siti Zainon Ismail . Mengenal Seni Lukis Abstrak. Berita Harian. 3 Januari 1976.
- <sup>4</sup> Muliyadi Mahamood. Nota Kuliah : Aliran Seni Moden. 21 Februari 1992. hlm. 37.
- <sup>5</sup> Najib Dawa.Kertas Ceramah Sejarah Senikraf Tradisional: “Perkembangan Batik Sebagai Bentuk Seni Halus Di Malaysia”. Kuala Lumpur: Institut Kraf Negara. 25 Julai 2002.
- <sup>6</sup> Najib Dawa. Kertas Ceramah Sejarah Senikraf Tradisional, Kuala Lumpur: Institut Kraf Negara. 25 Julai 2002.
- <sup>7</sup> Mohamed Najib A. Dawa. Katalog Pameran Seni dan Nasionalisme: Dulu & Kini. Kuala Lumpur: Balai Seni lukis Negara. 25 Ogos-5 September 1999.
- <sup>8</sup> Zakaria Ali. Katalog Pameran Batik Painting & Painting Batik (2005). Kuala Lumpur: Galeri Petronas, hlm.17.

## Rujukan

- D.D. Wharton, (1971). *Contemporary artists Of Malaysia*. New York: Union Cultural Organization Sdn.Bhd.
- Erwin Panofsky, (1955). *Meaning in the Visual Arts*, New York: Doubleday & Company
- Muliyadi Mahamood, (2001). *Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muliyadi Mahamood, (1995) *Seni Lukis Dalam Peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarah Arney, (1987). *Malaysian Batik:Creating New Traditions*.Kuala Lumpur: Kraftangan Malaysia.
- Siti Zainon Ismail, (1986). *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.